



KANAK-KANAK atau orang dewasa sama risikonya dijangkiti penyakit sewaktu banjir.

JAG

# Banjir dan kesi

Orang tua-tua sering berpesan, 'Jangan main hujan'. Kenyataan apabila berlaku bencana banjir besar yang turut 'menjanjika

**C**UACA yang semakin sukar diramal begitu jelas dilihat pada bencana banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia, baru-baru ini. Melaka dan Johor misalnya menerima tamparan air hujan paling hebat sehinggakan ramai yang hilang tempat berteduh.

Dalam kesibukan mangsa-mangsa banjir dipindahkan, ramai yang mungkin terlupa akan risiko penyakit berjangkit ketika banjir.

Limpahan air hujan yang tercemar dengan pelbagai bahan bertoksik termasuk najis, sampah sarap, sisa-sisa pembuangan kilang, antaranya turut membawa organisma-organisma berbahaya.

Kanak-kanak bersorak gembira bermain air banjir dan ibu-ibu yang terpaksa membasuh pakaian menggunakan air tercemar juga terdedah kepada risiko penyakit maut.

Air yang tercemar mengandungi mikro-organisma seperti bakteria yang berupaya menembusi tubuh melalui luka atau calar sehingga mengakibatkan pelbagai masalah kulit.

Antara gejala-gejala penyakit yang mungkin dihadapi oleh mereka yang tidak berhati-hati termasuklah muntah-muntah, sakit otot, demam dan cirit-birit.

Beberapa penyakit lazim yang dikenal pasti sewaktu berlakunya bencana banjir termasuk inflamasi usu dan gaster, inflamasi hati (Hepatitis A dan E), taun dan juga *Murine typhus* yang disebarkan menerusi kutu tikus.

Menurut laman web Kementerian Kesihatan Malaysia, antara cara mengelakkan risiko mendapat penyakit berjangkit sewaktu musim banjir adalah sentiasa minum air dan makanan yang sudah dimasak, elakkan makanan mentah, basuh tangan sebersih-bersihnya, dapatkan suntikan yang diberikan dan jagalah kebersihan diri serta persekitaran.



AIR yang tercemar mengandungi mikro-organisma yang boleh menembusi tubuh melalui luka atau calar.



Beberapa penyakit lazim yang dikenal pasti sewaktu berlakunya bencana banjir termasuk inflamasi usu dan gaster, inflamasi hati (Hepatitis A dan E), taun dan juga *Murine typhus* yang disebarkan menerusi kutu tikus




A kebersihan dan persekitaran semasa musim banjir.



AIR banjir biasanya mengandungi pelbagai bahan bertoksik yang berbahaya.

# hatan anda

an itu mungkin ada benarnya, lebih-lebih lagi  
n' pelbagai risiko penyakit berjangkit.



nisma seperti bakteria yang berupaya menembusi  
batkan pelbagai masalah kulit.

KANAN: BASUH tangan dengan air bersih  
untuk mengelakkan jangkitan kuman.

MEMBASUH pakaian dengan air tercemar  
mendedahkan anda kepada risiko penyakit  
berjangkit.